

Penyampai : DATO' SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
Tajuk : PELANCARAN PROJEK ANAK ANGKAT DAN HOMPEJ SUTRANITA  
Lokasi : UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, KEDAH  
Tarikh : 15-03-2000

Saya rasa amat bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat saya berpeluang datang ke kampus Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok pada hari yang gilang gemilang ini.

2. Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berbahagia Datin Jameah Haji Sidek, Yang DiPertua SUTRANITA dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi SUTRANITA kerana sudi menjemput saya dan memberi penghormatan kepada saya untuk melancarkan projek anak angkat yang sangat bermakna dan suci murni ini, serta Hompej SUTRANITA.

3. Saya merasa kagum di atas usaha-usaha SUTRANITA melalui beberapa Biro dan beberapa program dan projek yang dinyatakan oleh YBhg Datin Yang DiPertua sebentar tadi. Di atas usaha dan kejayaan itu, saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah.

4. Projek yang diberi nama ANGKATAN SUTRA ini sangat sesuai dengan usaha SUTRANITA untuk meningkatkan perasaan kemanusiaan dan mengangkat rasa kasih sayang sesama kita. Projek ini juga amat sesuai dengan usaha kaum wanita untuk mengangkat martabat kita dalam menghadapi cabaran-cabaran di Alaf Baru ini. Perkataan "sutra" itu sendiri melambangkan kelembutan dan kehalusan jiwa sesuai dengan sifat-sifat fitrah semulajadi kaum wanita.

5. Projek ANGKATAN SUTRA ini saya percaya memberi manfaat yang cukup besar kepada penduduk setempat yang dahagakan kasih sayang daripada warga sebuah institusi pengajian tinggi seperti Universiti Utara Malaysia ini. Usaha-usaha ini sangat kena pada masanya, kena pada tempatnya, kena pada suasananya dan kena pada orangnya.

6. Di dalam Majlis Pelancaran Projek ANGKATAN SUTRA ini saya melihat beberapa wajah ceria dan suasana kebahagiaan dan kesejahteraan kerana pertemuan dua pihak iaitu anak-anak angkat dan ibu bapa angkat masing-masing. Ini adalah satu petanda yang baik di kalangan kita sesama manusia. Dalam kehidupan di zaman moden ini yang banyak cabaran dan dugaan, kita rasa banyak nilai-nilai murni sudah terhakis dan terlentur.

7. Di dalam institusi kekeluargaan, kita lihat banyak perpecahan berlaku dan ini menimbulkan lebih banyak masalah kepada masyarakat. Hidup kita hari ini dilanda dengan gejala-gejala kebendaan dan kita berada dalam kemelut sosial yang membimbangkan. Nilai-nilai keibubapaan semakin hari semakin pupus.

8. Maka projek ANGKATAN SUTRA yang diusahakan oleh SUTRANITA ini sangat-sangatlah dialu-alukan. Projek ini menjalinkan silaturrahim dan hubungan kekeluargaan. Yang tua menyayangi yang muda, yang muda menghormati yang tua. Dari usaha inilah akan terbina rasa prihatin dan rasa penyayang yang akrab dan mesra.

9. Kita sekarang ini berada di permulaan alaf baru. Kita menghadapi banyak cabaran dalam bidang-bidang politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan kemanusiaan. Sekarang pula kita berada dalam dunia yang disogok dengan pelbagai isu seperti globalisasi, dunia tanpa sempadan, dunia multimedia, alam siber dan virtual, e- Kerajaan, k-ekonomi dan ledakan IT, dan sebagainya.

10. Saya menyeru supaya kita bersiap sedia bagi menghadapi cabaran-cabaran ini dengan memastikan kekuatan angkatan dan pertalian kekeluargaan kita.

Keluarga adalah asas kesejahteraan ummah.

11. Usaha ANGKATAN SUTRA ini adalah ke arah kemantapan keluarga dan kemanusiaan. Dalam

mengharungi liku-liku hidup ini, kita mestilah berani, gigih, cekal dan ceria menghadapi dunia baru.

12. Saya berasa amat gembira meneliti kegiatan yang diusahakan oleh Persatuan Wanita di UUM ini. Saya percaya bahawa peranan wanita ini amat besar dalam pembangunan sesuatu bangsa dan sesuatu tamadun. Islam sendiri mengangkat martabat peranan wanita sampai mengiktiraf bahawa "syurga itu di bawah telapak kaki ibu" dengan maksud bahawa kebahagiaan dan kesejahteraan umat itu di bawah kuasa ibu dan para wanita.

13. Kata ahli falsafah: "tangan yang menghayun buaian itu boleh memerintah dunia" atau "the hand that rocks the cradle rules the world". Maknanya, di tangan wanitalah terletak jatuh bangunnya sesuatu bangsa. Di tangan wanita terdapat satu kuasa dan sentuhan ajaib menentukan nasib halatuju kehidupan manusia.

14. Kata orang: "Di belakang seorang lelaki yang berjaya itu, berdiri seorang wanita." Saya ingin sambung kata-kata ini dengan "bukan sebarang wanita bahkan seorang isteri". Kata-kata ini juga menjelaskan wanita adalah peniup semangat dan perangsang yang mendorong suaminya dan keluarganya menempuh kejayaan.

15. Demikianlah usaha-usaha SUTRANITA mengadakan Projek ANGKATAN SUTRA dan peranan wanita di dalam zaman alaf baru yang mencabar ini.

16. Saya menyeru kepada semua anak angkat supaya tekun dan berusaha sehingga mendapat kejayaan. Saya menyeru kepada ibu bapa angkat supaya memberi semangat dan perangsang yang tidak putus-putus kepada anak-anak masing-masing.

17. Saya mengucapkan syabas kepada SUTRANITA di atas satu lagi kejayaan iaitu penubuhan Hompej SUTRANITA. Saya difahamkan bahawa SUTRANITA adalah Persatuan pertama di UUM yang mengorak langkah ke alam siber. Di alaf yang amat mencabar ini, salah satu dimensi yang menentukan kecemerlangan mana-mana agensi adalah perkongsian maklumat atau 'information sharing' dan Hompej adalah saluran yang paling canggih dan cepat untuk mencapai tujuan ini. Saya harap AJK SUTRANITA akan sentiasa berusaha untuk melengkapi Hompej dengan maklumat-maklumat yang terkini dan menarik supaya memanfaatkan para ahli khususnya dan masyarakat amnya. Saya berkeyakinan penuh bahawa Hompej SUTRANITA akan menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada para pengguna dan akan dicontohi oleh Persatuan-persatuan lain di UUM.

18. Akhir kata, saya menyeru kepada SUTRANITA supaya meneruskan usaha dengan penuh kegigihan dan kekentalan jiwa raga dalam usaha-usaha suci murni ini. Semoga Allah memberkati usaha-usaha puan-puan sekalian.

19. Dengan nama Allah Yang Amat Mengasihi Lagi Menyayangi, saya melancarkan projek Anak Angkat SUTRANITA atau ANGKATAN SUTRA dan Hompej SUTRANITA dengan rasminya.

\*\*\*\*